

**Raja Perlis Mahu Anggota Pentadbiran Negeri Usaha Pikat Pelabur  
Bernama  
5 September, 2012**

KANGAR, 5 Sept (Bernama) -- Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail mahu anggota pentadbiran negeri bukan sahaja melaksanakan tanggungjawab dengan penuh integriti dan akauntabiliti, tetapi juga berusaha memikat pelabur untuk negeri ini.

Baginda bertitah setiap pelaburan di Perlis secara tidak langsung akan turut membantu memangkin pembangunan negeri ini.

"Wakil rakyat yang bertanggungjawab sebagai anggota pentadbiran negeri juga perlu sentiasa mengadakan jaringan dengan pelabur asing dan agensi-agensi kerajaan persekutuan," titah baginda semasa merasmikan pembukaan penggal persidangan kelima, Dewan Undangan Negeri Perlis di sini Rabu.

Raja Perlis turut merakam penghargaan kepada kerajaan persekutuan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang sentiasa memberi pelbagai bantuan untuk pembangunan negeri ini.

"Tanpa insentif itu, sememangnya sukar untuk Perlis mencapai kemajuan yang diharapkan," titah baginda.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=692178>